

KULIM, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN AKAN SENTIASA BERUSAHA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN RAWATAN KESIHATAN PERCUMA KEPADA RAKYAT DENGAN MEMBINA LEBIH BANYAK KEMUDAHAN, TERMASUK HOSPITAL.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MAHU MEMBEBANKAN RAKYAT WALAUPUN KINI KOS RAWATAN DAN UBAT-UBATAN LEBIH MAHAL KERANA IA MEMANG MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN.

SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERKATA, BAGI RAWATAN PEMBEDAHAN PESAKIT JANTUNG, HOSPITAL KERAJAAN HANYA MENGENAKAN BAYARAN \$500 SEDANGKAN JIKA DI HOSPITAL SWASTA IANYA MUNGKIN \$20,000 HINGGA \$30,000.

WALAUPUN ADA YANG TERPAKSA MEMBAYAR PERBELANJAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN TETAPI KOSNYA LEBIH RENDAH DARIPADA PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN OLEH PIHAK SWASTA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN UPACARA MEMECAH TANAH TAPAK HOSPITAL DAERAH BARU KULIM DI SINI HARI INI.

HOSPITAL INI ADALAH ANTARA 11 HOSPITAL DAERAH YANG AKAN DIBINA DI SELURUH NEGARA DI BAWAH KONSEP NUKLEUS DENGAN BANTUAN GERAN 18.5 JUTA PAUN (\$83.25 JUTA) DARIPADA KERAJAAN BRITISH. -- LAGI
1306MST 14 07 90

D615

U B126 AAB
MAHATHIR - KESIHATAN 2 KULIM

HOSPITAL INI DIANGGARKAN BERHARGA \$90 JUTA DAN AKAN DIBINA DALAM DUA FASA. PADA PERINGKAT PERMULAAN IA AKAN MENGANDUNGI 314 KATIL MANAKALA FASA KEDUA 500 KATIL.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN \$2,700 JUTA UNTUK MEMBINA HOSPITAL DAN PUSAT RAWATAN KESIHATAN BAGI MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN RAKYAT.

RAKYAT MENDAPAT PERKHIDMATAN PERCUMA DI HOSPITAL KERAJAAN KERANA IA TELAH DISUBSIDI OLEH KERAJAAN.

BELIAU BERKATA RAKYAT HARUS SEDAR BAHAWA PERKHIDMATAN KESIHATAN DI KEBANYAKAN NEGARA MAJU DIKENAKAN BAYARAN, TIDAK SEPERTI MANA YANG MEREKA NIKIMATI DI NEGARA INI.

SELAIN ITU, KATA BELIAU, KERAJAAN TELAH MEMBINA BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN LAIN TERMASUK SEKOLAH-SEKOLAH WALAUPUN ADA SESETENGAH PIHAK MENDAKWA KONONNYA KERAJAAN TIDAK BERBUAT DEMIKIAN. -- LAGI
1313MST 14 07 90

D616

U B127 AAB
MAHATHIR - KESIHATAN 3 KULIM

BELIAU PERCAYA RAKYAT TIDAK AKAN MUDAH MENERIMA DAKWAAN SEUMPAMA ITU KERANA KINI TELAH TERBUKTI BAHAWA RAKYAT DAPAT MENIKMATI PELBAGAI KEMUDAHAN SECARA PERCUMA.

MENTERI KESIHATAN ENCIK NG CHENG KIAT BERKATA SEJAK NEGARA MERDEKA TARAF KEHIDUPAN RAKYAT TERUTAMA TARAF KESIHATAN MAKIN MENINGKAT.

+SESUNGGUHNIA TIDAK BOLEH DINAFIKAN BAHAWA PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN DI NEGARA INI YANG TERBAIK DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN,+ KATA BELIAU.

DALAM TEMPOH TIGA DEKAD INI PERKHIDMATAN KESIHATAN MENCAPAI BEBERAPA KEJAYAAN TERUTAMA DALAM MEMBASMI PELBAGAI PENYAKIT YANG SATU KETIKA MENGANCAM RAKYAT SEPERTI, PENYAKIT TIBI, CACAR, POLIO, BATUK KOKOL DAN CAMPAK.

DALAM TEMPOH ITU JUGA, KATA PERDANA MENTERI, SEBANYAK 484 PUSAT KESIHATAN DAN 1,953 KLINIK KESIHATAN LUAR BANDAR DIBINA YANG MENUNJUKKAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL MEMANG MEMENTINGKAN KEBAJIKAN RAKYAT.

DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEENAM, KEMENTERIAN KESIHATAN BERCADANG MEMBINA 17 HOSPITAL DAERAH, 20 PUSAT KESIHATAN DAN 78 KLINIK DESA DI SELURUH NEGARA. -- BERNAMA